

FAQ PENDAFTARAN AKTIVITI PENGENDALI (T/O) SECARA PENTADBIRAN

1) Siapakah yang dimaksudkan sebagai pengendali?

Tafsiran pengendali selaras seksyen 2 (1), Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]:

“pengendali” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga untuk mengendalikan loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya”.

2) Siapakah yang digalakkan berdaftar sebagai pengendali?

Pada mana-mana individu yang mengendalikan loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya dan memiliki Sijil Kelayakan Operator Pengawetan dan/atau Sijil Kelayakan Operator Pengeringan Tanur.

3) Mengapakah pendaftaran pengendali secara pentadbiran dilaksanakan?

Keperluan pendaftaran pengendali secara pentadbiran adalah berdasarkan justifikasi berikut:

- i) ke arah menggalakkan pendaftaran pengendali sebelum diwarta dan dikuatkuasa sepenuhnya; dan
- ii) menjadi panduan dan rekod kepada MTIB bagi aktiviti operator pengeringan tanur dan pengawetan.

4) Apakah yang dimaksudkan dengan pendaftaran secara pentadbiran?

Pemohon perlu mengisi borang permohonan, mengemukakan dokumen-dokumen yang telah disahkan dan menghantar permohonan melalui pos/kurier ke Ibu Pejabat MTIB.

5) Apakah prosedur pendaftaran dan dokumen- dokumen yang diperlukan?

Rujuk lampiran yang mengandungi Panduan dan Syarat Pendaftaran Aktiviti pengendali termasuk dokumen yang diperlukan.

6) Bagaimanakah hendak mendapatkan borang permohonan?

Borang permohonan pendaftaran boleh diperolehi di laman web MTIB di www.mtib.gov.my.

7) Berapakah jumlah fi yang dikenakan untuk pendaftaran pengendali?

Fi Pendaftaran aktiviti pengendali secara pentadbiran ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

8) Dimanakah permohonan ini harus dihantar?

Permohonan yang telah lengkap berserta dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat MTIB di alamat berikut:

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Level 13-17, Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu
50728 Cheras
Kuala Lumpur.

(u.p: Seksyen Pendaftaran, Bahagian Pelesenan dan Inspektorat)

9) Berapa lamakah permohonan akan diproses?

Permohonan diproses dalam tempoh 5 hingga 7 hari bekerja setelah dokumen lengkap diterima.

10) Bilakah pengendali boleh mengemukakan permohonan pendaftaran?

Pendaftaran aktiviti pengendali secara pentadbiran dibuka mulai 1 September 2022.

11) Bagaimanakah kelulusan pendaftaran dimaklumkan?

Kelulusan pendaftaran dimaklumkan melalui surat kelulusan yang dihantar ke alamat pemohon seperti di borang permohonan.